

# UCAPAN PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2024 PERINGKAT DASAR OLEH YAB PERDANA MENTERI

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Date : 03/11/2023

---

## MUKADIMAH

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Belanjawan MADANI Kedua yang telah saya bentangkan pada 13 Oktober lalu dirangka dengan hasrat untuk mengangkat martabat, darjah, harakat negara ini berlandaskan Kerangka Ekonomi MADANI.

2. Saya zahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas peringkat dasar bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2024. Seramai **85 Ahli Yang Berhormat** menyentuh pelbagai perkara melibatkan Kementerian Kewangan mencakupi hal-hal rakyat, iktisad dan watan. Saya hargai pandangan dan izinkan saya beri

penjelasan terkait isu yang disinggung sepanjang perbahasan enam hari lalu.

## 1) PENGURUSAN EKONOMI DAN FISKAL NEGARA

3. Seramai 13 Ahli Yang Berhormat menyentuh soal ekonomi, fiskal dan hutang negara antaranya Yang Berhormat **Larut, Paya Besar, Beluran, Pokok Sena, Pasir Mas, Kota Melaka, Kuala Terengganu dan Betong.**

4. Yang Berhormat **Larut** mempersoalkan kesungguhan Kerajaan **mengurangkan defisit fiskal berbanding menyediakan belanjawan yang besar untuk membantu rakyat.**

5. Ini tidak benar sama sekali. **Pertanggungjawaban Kerajaan dalam mengurangkan defisit fiskal tidak bermaksud mengabaikan usaha melindungi kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi.**

6. Sasaran pengurangan defisit fiskal adalah secara beransur-ansur, iaitu daripada:

- **5.6%** tahun 2022, kepada
- **5.0%** tahun ini (2023), dan selanjutnya
- **4.3%** untuk tahun 2024.

7. Pengurangan ini tidak dibuat dengan mendadak dan Kerajaan mengekalkan **dasar fiskal mengembang**, dengan jumlah peruntukan perbelanjaan meningkat daripada:

- **RM386.1** bilion untuk Belanjawan 2023, kepada
- **RM393.8** bilion untuk Belanjawan 2024.

8. Maknanya, walaupun Kerajaan memperkukuh pengurusan fiskal supaya lebih mampan, ia diimbangi dengan dasar fiskal mengembang, mengambil kira keperluan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dalam menghadapi persekitaran ekonomi global yang mencabar serta keutamaan untuk terus membela nasib rakyat.

## **9. APA BUKTI KERAJAAN INI DELIVER DAN MEMBELA NASIB RAKYAT?**

(1) Kerajaan ini berjaya menurunkan **Kadar pengangguran kepada 3.4%** setakat Ogos 2023 iaitu mencapai tahap guna tenaga penuh dan selari dengan pengangguran sebelum krisis COVID-19.

(2) Kerajaan ini yang membela nasib pekebun kecil getah. Harga pengaktifan **insentif pengeluaran getah ditingkatkan.**

- Kali terakhir dinaikkan **Bajet 2019 RM2.50/kg** (YB Bagan),
- **Belanjawan 2023** dinaikkan kepada **RM2.70/kg**, dan
- **Belanjawan 2024** dinaikkan lagi **RM3.00/kg.**

(3) Kerajaan MADANI yang mendengar rintihan para pesawah:

- Tahun ini, **menaikkan subsidi Harga Padi daripada RM360 kepada RM500 per metrik tan**, dan
- Belanjawan 2024 **meningkatkan harga lantai belian padi daripada RM1,200 kepada RM1,300 per metrik tan**. (Kali terakhir disemak pada 2014).

Maka, siapa pula yang mengabaikan kebajikan rakyat?

(4) Kerajaan ini juga sejak awal komited memastikan kemudahan asas rakyat dalam keadaan baik dan sempurna. Kita telah segerakan **pelaksanaan projek pembaikan sekolah dan klinik daif**. Lebih 8,000 tandas sekolah yang rosak dan usang akan selesai dibaiki tahun ini juga. Usaha ini **termasuk semua Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan (sekolah agama, SJKC dan SJKT)**. Tahun hadapan, ikhtiar ini akan diperhebat kepada tandas awam PBT seluruh negara, **baik pulih jalan berlubang, selenggara kuarters Kerajaan serta menaik taraf premis penjaja kecil**.

(5) Kerajaan ini juga akan **mengembalikan geran bantuan RM20 ribu kepada semua Sekolah Agama Rakyat** di samping menyediakan RM150 juta untuk menyelenggara institusi pendidikan Islam. (geran bantuan dihentikan pada 2003)

(6) Sejak sekian lama (2011) tidak disediakan, Kerajaan ini turut **memperuntukkan RM100 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)** yang telah banyak membantu usahawan PMKS khususnya wanita. Lebih **RM350 juta pembiayaan kredit mikro** juga disediakan melalui BSN, Bank Rakyat dan MARA untuk usahawan wanita.

(7) Di bawah Kerajaan MADANI, kita **memberi peluang kedua dengan memperluas pelepasan status muflis kepada golongan muda bawah 40 tahun yang punyai hutang tidak melebihi RM200 ribu.**

10. Ini hanya sebahagian contoh yang dinyatakan bahawa **Belanjawan 2024 adalah terangkum serta mengutamakan kesejahteraan rakyat seperti penoreh getah, pesawah padi, murid sekolah, usahawan wanita dan belia.**

11. **Belanjawan 2024 juga mengangkat agenda reformasi dan tatakelola baik** bagi meningkatkan ketangkasan perkhidmatan. Bagi menjayakan aspirasi Ekonomi MADANI, kita tidak boleh lagi melaksanakan business as usual. Seluruh kekuatan dan tenaga perlu dirangkul untuk kembali mengangkat darjat negara ini sebagai jaguh serantau.

- (governance) Pertama, di bawah Kerajaan MADANI, **reformasi tatakelola** melalui perundangan telah direalisasikan. RUU Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal atau Fiscal Responsibility Act telah diluluskan Dewan Rakyat. Kerajaan juga

komited **membentangkan Akta Perolehan Kerajaan serta memperkasa institusi Parlimen.**

- (businesses) Kedua, Kerajaan ini telah **memudah cara perniagaan** dan pelabur antaranya termasuklah kelonggaran visa untuk pelabur, pelancong dan pekerja ekspatriat. Kerajaan juga telah melaksanakan levi pekerja asing berperingkat **(multi-tiered foreign worker levy)** bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan menggalakkan automasi.

- (public delivery) Ketiga, **pembaharuan penyampaian awam** termasuk pendekatan pengurusan kewangan inovatif seperti mengkhususkan **hasil JPJ penjualan plat khas yang dibida oleh golongan berada untuk digunakan untuk membiayai program kebajikan seperti subsidi topi keledar kanak-kanak, flysiswa dan program Mylesen.**

12. Yang Berhormat **Kuala Nerus dan Padang Rengas** membangkitkan **kesukaran golongan bekerja sendiri mendapatkan pinjaman perumahan.**

- Memang diakui, sejak Skim Jaminan Kredit Perumahan dilancarkan pada 2008 sehingga tahun 2022, hanya 5,000 peminjam berjaya menikmati jaminan pembiayaan perumahan mereka (RM1 bilion).

• Namun, setelah Kerajaan menambah baik ciri-ciri skim SJKP, **pada tahun ini sahaja, peminjam yang menikmati jaminan SJKP meningkat mendadak kepada hampir 12,000 peminjam bernilai RM3 bilion dan seramai 46 peratus daripadanya merupakan golongan tiada sumber pendapatan tetap. Melalui Belanjawan 2024, jaminan tambahan RM10 bilion disediakan untuk SJKP memberi manfaat kepada 40,000 peminjam.**

Tahun	Bilangan Peminjam	Nilai Jaminan
2008 hingga 2022	<5,000	RM1 bilion
2023 (Setakat Ogos)	12,000	RM3 bilion
Belanjawan 2024	~40,000	RM10 bilion

**13. Yang Berhormat Beluran pula telah membangkitkan kemampuan Kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 3%.**

• Dalam melaksanakan konsolidasi fiskal, Kerajaan yakin kita akan mencapai pengurangan defisit fiskal daripada:

- o 5.6% (2022) kepada
- o 5% (2023),
- o 4.3%(2024), dan
- o 3.5% (2025). (Sasaran KSP RMK12)

- Saya yakin, **tempoh yang kita tetapkan ini adalah mencukupi dan Kerajaan mampu capai sasaran defisit fiskal 3% dalam jangka masa sederhana.** Ini kerana:

- o Kesungguhan Kerajaan MADANI untuk **berbelanja secara bertanggungjawab dan berhemat** selain tatakelola yang baik dalam pentadbiran menghasilkan penjimatan wang rakyat yang signifikan khususnya melalui **pelaksanaan perolehan yang telus secara tender.**

- o Selain itu, Kerajaan juga **mula menyasarkan semula perbelanjaan subsidi secara berfasa supaya rakyat yang benarbenar layak mendapat manfaat** sekali gus **mengelakkan subsidi pukal yang selama ini tiris kepada rakyat asing dan golongan berpendapatan tinggi.**

- o **Asas hasil juga akan diperluas pada tahun hadapan. Beberapa langkah-langkah cukai yang diumumkan dalam Belanjawan MADANI Kedua** seperti peluasan dan peningkatan kadar Cukai Perkhidmatan, pelaksanaan Cukai Keuntungan Modal dan Cukai Barang Bernilai Tinggi dijangka **menambah pendapatan Kerajaan lebih RM4 bilion pada tahun hadapan.**

- o Insya-Allah, **tahun ini kita mampu mencapai defisit fiskal 5% ketimbang 5.6% tahun lalu.** Kerajaan juga mengunjurkan **defisit fiskal 4.3% tahun hadapan walaupun dengan Belanjawan yang**

## **tertinggi pernah diumumkan.**

- Walau apa-apapun, Kerajaan telah membuat komitmen untuk mencapai defisit fiskal sekurang-kurangnya 3% dalam jangka masa sederhana melalui Rang Undang-undang (RUU) Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (FRA) yang diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Oktober lalu.

- **Sekiranya dijangka tidak mencapai defisit fiskal 3%, selaras dengan peruntukan FRA, Kerajaan akan kembali ke Dewan Rakyat dan membentangkan pelan pelarasan fiskal selepas mendapat kelulusan Jemaah Menteri.** Itu komitmen kita.

## **2) PERUNTUKAN PEMBANGUNAN**

14. Saya juga ingin menyentuh soal **peruntukan pembangunan yang dikatakan seolah-olah menurun** oleh Yang Berhormat **Pasir Mas dan Rasah**.

- Penurunan peruntukan pembangunan tahun hadapan **disebabkan peruntukan pembangunan tahun ini turut menyediakan USD3 bilion atau RM13 bilion ringgit bagi penebusan bon 1MDB.**

- Peruntukan DE:

- o 2023 – **RM97 bilion**
- o 2023 dipinda – **RM84 bilion** (tanpa mengira RM13 bilion 1MDB)
- o 2024 – **RM90 bilion**, iaitu peningkatan sebanyak RM6 bilion.

Hakikatnya tiada pengurangan yang dibuat ke atas DE tahun 2024.

- **Kerajaan komited untuk menyediakan DE sekurang-kurangnya RM90 bilion pada 2025.** Keutamaan Kerajaan adalah untuk meningkatkan momentum pembangunan dengan menstruktur semula ekonomi bagi memacu pertumbuhan.

- Tahun hadapan sebenarnya **peruntukan pembangunan setiap negeri akan meningkat.** Contohnya:

Negeri	Peruntukan Pembangunan (RM)	
	2023	2024
Sabah	6.5 bilion	6.6 bilion
Sarawak	5.6 bilion	5.8 bilion
Kelantan	2.5 bilion	2.8 bilion
Kedah	1.5 bilion	1.8 bilion
Perak	1.6 bilion	1.7 bilion
Pahang	2.8 bilion	3.2 bilion

15. Beberapa Yang Berhormat antaranya **Tuaran, Semporna dan Kota Belud** terkait hal Sabah dan Sarawak. Kerajaan ini yang **paling komited, serius dan deliver dalam merealisasikan Perjanjian Malaysia 1963:**

- Penerima Pemberian Persekutuan tertinggi untuk tahun 2024:

- o Sabah - RM1.53 bilion; dan

- o Sarawak - RM1.63 bilion.

- **Ini termasuk penyelesaian interim Pemberian Khas di bawah 112D untuk Sabah dan Sarawak yang ditingkatkan kepada RM300 juta** ketimbang:

- o Sarawak RM16 juta setahun sejak 1969; dan

- o Sabah RM125.6 juta setahun sejak 2020.

**Pemberian ini akan dibayar pada bulan ini.**

- **RUU LHDNM telah dipinda bagi memperuntukkan wakil Negeri Sabah dan Sarawak sebagai Ahli Lembaga Pengarah LHDNM.**

- **Pelaksanaan perolehan projek bernilai sehingga RM50 juta** diberikan kepada agensi teknikal Sabah dan Sarawak.

- Tahun hadapan, penyerahan **kuasa kawal selia bekalan elektrik kepada Kerajaan Sabah** akan dikuatkuasakan pada 3 Januari 2024. Namun, Kerajaan Persekutuan tetap terus membantu Sabah melalui pemberian subsidi kepada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) sehingga 2030.

- Kerajaan juga sedang berunding untuk merealisasikan penyerahan Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Sarawak dan pengoperasian Perkhidmatan Udara Desa (RAS) kepada kerajaan negeri.

### **3) TATAKELOLA BAIK DALAM PENTADBIRAN**

16. **Yang Berhormat Parit** membangkitkan peranan Audit Negara dalam memantau peruntukan dana awam dan memastikan **tiada penyalahgunaan kuasa dan ketirisan peruntukan dana awam berlaku.**

17. Walaupun ada pihak yang bosan mendengar saya menekankan soal reformasi dan tatakelola, tetapi pada saya ini yang harus diutamakan. Negara ini punyai potensi besar; sistem pentadbiran yang diwarisi perlu berubah untuk tangkas, telus dan efisien jika kita menginginkan sebuah negara yang berjaya.

18. **Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)** menyatakan kegagalan 104 ventilator berfungsi daripada 136

**yang diperolehi semasa pandemik COVID-19. Kerajaan juga dilaporkan oleh PAC rugi RM505 juta akibat 8.5 juta dos vaksin tamat tarikh luput.**

**19. Saya juga diberi taklimat oleh Ketua Audit Negara berhubung hasil pengauditan terkini yang akan dibentangkan. Penemuan utama antaranya:**

- **Kerugian wang awam hampir RM700 juta antaranya:**

- **pengurusan program penanaman padi negara;**

- **Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA;**

- **Kawal Selia Senjata Api di bawah KDN.**

- **Kelemahan pengurusan dalam projek menaik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah serta dalam program ramalan dan amaran banjir negara; dan**

- **Pengurusan dana Syarikat Kerajaan yang kurang memuaskan seperti skim pinjaman di bawah Tekun Nasional.**

**20. Penemuan ini menggambarkan pentingnya reformasi tatakelola bagi menangani pembaziran wang awam dan ketirisan. Ini untuk memastikan perkhidmatan Kerajaan benar-benar membantu rakyat, sama ada untuk pesawah padi, pelancongan Langkawi, persekitaran selamat untuk pelajar**

sekolah, mengurangkan impak banjir dan memudah cara pembiayaan PMKS.

#### 4) CUKAI PERKHIDMATAN

21. Tidak kurang **26 Ahli Yang Berhormat** antaranya **Yang Berhormat Pagoh, Bera, Bagan, Muar, Shah Alam, Labuan, Keningau, Kluang dan Pendang** membangkitkan dalam perbincangan tentang **cadangan peluasan skop dan kenaikan kadar cukai perkhidmatan kepada 8%.**

22. Sepertimana saya tegaskan dalam pembentangan Belanjawan MADANI, **kendatipun Kerajaan perlu meluaskan asas hasil bagi menampung peningkatan perbelanjaan, ini tidak akan sama sekali menggadaikan kepentingan melindungi nasib majoriti rakyat.**

- Sebab itu, Kerajaan mengambil pendekatan yang progresif dan memperkenalkan cukai berlandaskan prinsip keadilan sosial. Cukai Keuntungan Modal dan Cukai Barang Bernilai Tinggi umpamanya dikenakan kepada usahawan dan golongan berpendapatan tinggi dan bukannya kepada rakyat biasa.
- Kenaikan kadar Cukai Perkhidmatan juga **tidak melibatkan perkhidmatan yang digunakan oleh majoriti rakyat** umpamanya **perkhidmatan seperti makan-minum,**

## **telekomunikasi dan parker kenderaan kekal pada kadar 6%.**

- Peluasan skop perkhidmatan bercukai pula meliputi perkhidmata di peringkat peniaga seperti logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.
- Ada yang membangkitkan keresahan bahawa perkhidmatan logistik yang dikenakan Cukai Perkhidmatan 6% dibimbangi akan mengesankan rakyat. Kita faham bahawa skop perkhidmatan logistik adalah luas dan perlu diperhalusi dengan lebih terperinci.
- **Kementerian Kewangan akan mengadakan beberapa sesi libat urus bersama-sama pihak berkepentingan seperti sektor logistic dalam mendapatkan input dan pandangan sebelum Cukai ini dikenakan.** Ini termasuklah mengenal pasti senarai terperinci subsektor logistik yang akan dikenakan Cukai Perkhidmatan.
- Kerajaan juga akan pastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan atas peluasan skop perkhidmatan bercukai dan peningkatan kadar Cukai Perkhidmatan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperketat dan memperhebat penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan.

## 5) CUKAI KEUNTUNGAN MODAL

23. Ahli Yang Berhormat antaranya **Subang, Ayer Hitam, Julau, Permatang Pauh dan Machang** menyentuh berhubung Cukai Keuntungan Modal (CGT).

24. Kerajaan punyai sebab-sebab munasabah dalam memperkenalkan CGT bagi pelupusan saham tidak tersenarai:

- Tentunya ini sebahagian daripada usaha untuk **meluaskan asas percukaian**. Pelaksanaan CGT juga adalah selaras dengan **amalan terbaik percukaian antarabangsa** di samping **menangani isu harmful tax practices** atau amalan percukaian yang memudaratkan.

- Cadangan CGT juga selari dengan prinsip keadilan sosial. Adalah **tidak adil bahawa hanya rakyat yang makan gaji membayar cukai sementara golongan kaya yang meraih keuntungan besar hasil penjualan syarikat tidak dikenakan cukai.**

- **Kadar CGT 10% adalah rendah dan tidak membebankan:**

- o Malah, kadar CGT 10% **lebih rendah berbanding kadar terbawah cukai syarikat yang dikenakan kepada PMKS iaitu 15%** bagi pendapatan bercukai RM150,000 pertama.

o Kadar CGT 10% juga lebih rendah jika dibandingkan dengan negara jiran seperti **Thailand dan Indonesia yang mengenakan CGT dan Cukai Korporat pada kadar yang sama.**

- Bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, **CGT akan dikecualikan bagi pelupusan saham berkaitan aktiviti Initial Public Offering (IPO) yang diluluskan, penstrukturan dalaman dan syarikat modal teroka.**

- Kerisauan bahawa CGT akan menindas PMKS sepatutnya tidak timbul. **CGT juga tidak dikenakan ke atas individu yang melupuskan saham tidak tersenarai.** Sekiranya individu ialah pemilik PMKS dan kemudian menjual saham miliknya, beliau tidak termasuk untuk dikenakan CGT.

25. Kerajaan ingin mengesahkan bahawa **pengenaan CGT ke atas saham tersenarai tidak dilaksanakan.** Ini bagi memastikan Bursa Malaysia dapat terus kompetitif dan berdaya saing dengan negara serantau di samping mengekalkan keyakinan pelabur asing.

26. Ada yang membangkitkan soal nilai pemerolehan CGT sama ada menggunakan kaedah pelarasan inflasi atau indeksasi. Layanan CGT adalah **sama seperti pelupusan saham syarikat harta tanah di bawah Cukai Keuntungan Harta Tanah (CHKT), iaitu keuntungan pelupusan saham dikira berdasarkan harga perolehan sebenar.** Layanan cukai ke atas pelupusan saham di bawah

CKHT sedia ada tidak mengambil kira kaedah\_indeksasi dalam pengiraan cukai sejak tahun 1988.

27. Bagi kerugian daripada pelupusan aset pula, ia dibenarkan dibawa ke hadapan dan ditolak ke atas keuntungan daripada pelupusan saham berikutnya terhad bagi tempoh sepuluh (10) tahun berturut-turut. Tempoh ini juga adalah selaras dengan layanan semasa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

28. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **buat masa ini CGT tidak dikenakan mengikut tempoh pegangan saham.** Kaedah ini mengambil kira amalan terbaik di negara lain seperti United Kingdom dan ia juga memudahkan urusan pelaporan cukai.

29. Kemungkinan berlakunya pengenaan cukai dua kali bagi saham harta tanah yang dilupuskan akan turut diatasi melalui pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 yang akan dibuat melalui Rang Undang-Undang Kewangan (No. 2) 2023 yang juga akan dibentangkan dalam sidang Parlimen kali ini.

## **6) CUKAI BARANG BERNILAI TINGGI**

30. Seramai 8 Ahli Yang Berhormat antaranya **Putrajaya, Jerlun, Kuala Selangor dan Tumpat** membangkitkan pelaksanaan Cukai Barang Bernilai Tinggi.

- Sepertimana saya nyatakan, pengenalan cukai ini **bertujuan untuk meningkatkan hasil dengan mengenakan cukai kepada golongan kaya yang punyai kemampuan untuk membeli barang bernilai tinggi.**

- Kenaan Cukai Barang Bernilai Tinggi akan **mula berkuat kuasa mulai 1 Mei 2024.**

- Cukai ini dikenakan pada **kadar 5% hingga 10% mengikut jenis dan kategori barang berdasarkan nilai ambang** (threshold) harga barang.

- Awalnya kita bercadang menggunakan mekanisme Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bagi barang yang bernilai tinggi. Setelah melalui proses libat urus, **Kerajaan mencadangkan perundangan baharu bagi memastikan sektor pelancongan tidak terjejas** iaitu membolehkan pelancong asing mendapat bayaran balik cukai (tax refund) yang dibayar oleh mereka.

- Pada masa ini, Kementerian Kewangan dalam fasa akhir memuktamadkan draf perundangan. **Mekanisme, jenis barang dan kadar cukai serta nilai ambang akan diumumkan sebaik sahaja ia diluluskan di peringkat Jemaah Menteri.**

## 7) PENYASARAN SEMULA SUBSIDI DIESEL

31. Cadangan penyasaran semula subsidi diesel telah dibangkitkan antaranya oleh Ahli Yang Berhormat **Kota Marudu, Temerloh, Sibul, Libaran dan Rantau Panjang.**

- Sepertimana saya jelaskan dalam Belanjawan MADANI Kedua, subsidi bahan api diesel mengalami ketirisan dan penyeludupan yang serius.
- Harga diesel bersubsidi sekian lama hanya RM2.15 seliter berbanding harga pasaran kini yang mencecah RM3.78 seliter. Harga diesel bersubsidi yang terlalu murah mengakibatkan ketirisan dan aktiviti penyeludupan yang serius. Jualan diesel meningkat 40% sejak 2019 sedangkan jumlah kenderaan diesel hanya meningkat kurang 3%.
- Kerajaan tidak boleh lagi menampung ketirisan wang rakyat yang sepatutnya digunakan untuk menambah bantuan kepada rakyat. Sebab itu dicadangkan **penyasaran semula subsidi diesel secara berfasa. Penyasaran semula subsidi diesel:**
  - i. Hanya akan dilaksanakan di Semenanjung dahulu memandangkan kegunaan diesel meluas oleh rakyat Sabah dan Sarawak untuk pengangkutan dan genset.**

**ii. Nelayan kekal menerima subsidi diesel pada harga yang jauh lebih rendah iaitu pada harga RM1.65 seliter dan kenderaan diesel dalam kategori pengangkutan awam termasuk van/bas sekolah kekal pada harga RM1.88 seliter.**

- **Penyasaran semula subsidi diesel akan memastikan kenderaan pengangkutan barangan kekal menikmati diesel bersubsidi pada harga RM2.15.**

- Bagi membolehkan ini dilaksanakan, Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) akan diperluas **melalui kaedah fleet card** yang dikendalikan oleh KPDN. Semua kenderaan pengangkutan barangan perlu berdaftar di bawah sistem ini bagi memastikan mereka terus menikmati subsidi harga diesel pada harga RM2.15 seliter.

## **8) PENGAPUNGAN HARGA AYAM MENGIKUT HARGA PASARAN**

32. Yang Berhormat **Beluran dan Kuantan** ada membangkitkan keputusan Kerajaan **mengapungkan harga ayam** mengikut harga pasaran.

- Keputusan ini penting untuk menutup ketirisan subsidi yang selama ini dinikmati oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

- Keputusan ini juga mengambil kira trend harga ayam di pasaran yang telah mula stabil dan berada di bawah harga siling kawalan.
- Ini juga dapat mengukuhkan rantaian bekalan ayam pedaging dan menyumbang secara positif kepada keselamatan makanan negara.

**33. Berdasarkan tinjauan harga ayam semalam, hampir semua premis yang dipantau tidak menaikkan harga ayam melebihi siling RM9.40/kg sebelum ini. Harga terendah semalam ialah RM6.49/kg di Mersing, Johor dan pasar raya seperti Mydin menjual pada harga RM7.99/kg dan pasar raya Lotus RM7.39/kg.**

34. Di Sabah, Sarawak dan Labuan, mengambil kira harga ayam yang lebih tinggi, Kerajaan akan meningkatkan pelaksanaan Program Jualan Rahmah dan Jualan Agro MADANI.

35. Penjimatan daripada penamatan subsidi harga ayam boleh digunakan untuk membantu penternak kecil dan sederhana melalui kemudahan pinjaman mikrokredit untuk terus menyokong pertumbuhan industri penternakan.

36. Buat masa ini, **subsidi harga telur masih diteruskan.** Ini kerana bekalan telur masih belum stabil sepenuhnya dan penternak masih menampung kos pengeluaran yang tinggi.

## **9) SUMBANGAN TUNAI RAHMAH & SUMBANGAN ASAS RAHMAH**

37. Yang Berhormat **Tebrau dan Jerlun** ada menyentuh pelaksanaan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

38. **Sukacita saya maklumkan bahawa bayaran STR Fasa 4 akan disalurkan kepada penerima pada 7 November ini.**

- **Seramai 5.2 juta penerima akan mendapat STR antara RM100 hingga RM1,200 manakala permohonan rayuan yang diluluskan akan menerima antara RM100 hingga RM2,500 secara sekali gus.**

- **Nilai keseluruhan STR Fasa 4 bernilai RM2.1 bilion.**

39. Salah satu penambahbaikan STR kali ini ialah, Kerajaan bersetuju **bahawa bermula bulan November ini, sebarang permohonan baharu STR akan dibuka sepanjang tahun** berbanding sebelum ini hanya sekali setahun.

40. Secara amnya, penyasaran semula subsidi dilaksanakan untuk menutup ketirisan dan memastikan bantuan diberi kepada golongan yang benar-benar memerlukannya. Maka, Kerajaan komited untuk menyalurkan penjimatan daripada penyasaran subsidi dengan menambah peruntukan bantuan tunai

kepada rakyat bagi meringankan beban kos sara hidup.

41. Tahun hadapan, peruntukan **Sumbangan Tunai Rahmah (STR) ditingkatkan daripada RM8 bilion kepada RM10 bilion** untuk 2024.

- Kadar maksimum STR ditingkatkan daripada RM3,100 kepada RM3,700.
- Sumbang Asas Rahmah (SARA) yang merupakan sebahagian STR diperluas daripada isi rumah miskin tegar kepada merangkumi golongan miskin.
- Kadar SARA ditingkatkan daripada RM600 kepada RM1,200 dengan bilangan penerima manfaat meningkat daripada 200 ribu penerima kepada sekitar 700 ribu penerima.

42. Mekanisme SARA akan digunakan sebagai pendekatan baharu pemberian semula subsidi secara bersasar. **Dengan pemberian SARA secara bulanan, ini dapat memastikan golongan miskin mendapat bekalan barangan makanan asas yang mencukupi.**

## KEMISKINAN TEGAR

43. Malah, isi rumah dalam kalangan miskin tegar bukan sahaja menerima

STR tetapi juga menerima bantuan bulanan keluarga miskin daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga RM1,000 sebulan di samping turut mendapat bantuan zakat.

44. Maka sebab itulah, ramai antara mereka yang berada dalam daftar miskin tegar di bawah e-Kasih setelah menerima bantuan, akan melepasi tahap pendapatan miskin tegar. Kerajaan juga akan terus berusaha untuk melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan pendapatan golongan ini supaya dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan berdikari meraih rezeki sendiri.

## **10) PRESTASI PELABURAN**

10 Ahli Yang Berhormat ada membangkitkan soal pelaburan negara, khususnya pelaburan langsung asing (FDI) yang diraih setakat ini. Antaranya termasuklah Yang Berhormat **Titiwangsa, Sembrong, Bachok, Tenggara, Seputih dan Kuaa Nerus.**

45. Komitmen pelaburan sektor swasta, termasuk dari luar negara, menunjukkan keyakinan mereka terhadap ekonomi Malaysia di bawah pemerintahan Kerajaan MADANI.

46. **(Pelaburan Diluluskan)** Dalam tempoh Januari hingga Jun 2023:

- **Kita berjaya meraih pelaburan diluluskan bernilai RM132.6 bilion dalam sektor perkhidmatan, pembuatan, dan utama.**
- **Ini merangkumi 60% daripada sasaran keseluruhan tahun 2023, dengan 52.2% ialah Pelaburan Langsung Domestik (DDI) dan 47.8% daripada Pelaburan Langsung Asing (FDI).**
- **Prestasi ini melebihi pencapaian prapandemik iaitu RM85.5 bilion (2018) dan RM105.2 bilion (2019).**

47. **(Komitmen Pelaburan)** Kerajaan juga sedang giat merealisasikan komitmen pelaburan utama yang telah dipersetujui antaranya termasuklah:

- **Pelaburan RM25 bilion oleh Infineon di Kulim untuk pembinaan kilang silicon carbide terbesar di dunia.**
- **Kerjasama antara Geely dan DRB Hicom dalam membangunkan Automotive High Tech Valley di Tanjung Malim.**
- **Komitmen Elon Musk untuk perkembangan kereta EV Tesla dan perkhidmatan satelit Starlink.**

- **Pelaburan RM40.6 bilion dari negara-negara Timur Tengah dalam sektor Tenaga Boleh Diperbaharui, aerospace dan logistic (MASDAR) yang bertitik tolak daripada lawatan terkini.**

- Selain itu, terdapat juga komitmen pelaburan yang penting dari negaranegara seperti Itali, Indonesia, Singapura, Korea Selatan, Republik China dan Jepun.

#### **48. Langkah Belanjawan 2024:**

- **Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Pelaburan dan Perdagangan (JTPPP) telah ditubuhkan** sebagai usaha memperbaiki kemudahan dan ekosistem pelaburan Malaysia. JTPPP berperanan memudahkan proses pelaburan dan perdagangan, baik untuk FDI mahupun DDI, serta menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pelabur dan pengeksport. Ini sememangnya akan membuka lembaran baru dalam usaha memajukan ekonomi Malaysia.

#### **49. Impak Belanjawan 2024:**

- Insentif cukai yang disediakan akan menarik lebih banyak FDI.
- Peningkatan dalam FDI juga akan meningkatkan pertumbuhan DDI dan memperkasa kerjasama antara syarikat multinasional utama. Ini

seterusnya memacu pertumbuhan syarikat tempatan.

- Hasil pelaburan dapat mencipta peluang pekerjaan yang lebih banyak dan berkemahiran tinggi, serta peningkatan gaji rakyat. Ini berpotensi meningkatkan tahap inovasi dan kerumitan ekonomi.

## 11) PENYUSUTAN NILAI MATA WANG RINGGIT

50. Yang Berhormat Pasir Mas, Kota Belud dan Kuala Terengganu ada membangkitkan hal penyusutan nilai mata wang ringgit pada masa ini.

- **Penyusutan nilai mata wang ini melibatkan hampir semua Negara** dunia akibat pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS), kadar faedah AS yang tinggi. Setakat 31 Oktober tahun 2023,

NEGARA	PERATUS PENYUSUTAN
Ringgit Malaysia	-7.7%
Yen Jepun	-13.1%
Baht Thailand	-4.2%
Won Korea	-7.1%
Renminbi China	-5.7%

- Bagi suku ketiga 2023, **Kadar pertukaran efektif nominal ringgit (nominal effective exchange rate, NEER) iaitu indeks yang mengukur prestasi ringgit berbanding mata**

wang rakan dagangan utama Malaysia juga menunjukkan peningkatan pada suku ketiga 2023 (+1.4%).

- Secara amnya, mata wang asing yang lebih kukuh berbanding nilai Ringgit telah mengetatkan dasar monetari mereka dengan lebih agresif iaitu meningkatkan kadar faedah lebih tinggi daripada Malaysia.

<b>NEGARA</b>	<b>KENAIKAN OPR</b>
Malaysia	125 mata asas
Amerika Syarikat	525 mata asas
Singapura	350 mata asas

- **Sepertimana diumumkan oleh Bank Negara Malaysia baru tadi, kadar dasar semalaman (OPR) Malaysia kekal pada 3.0%.** Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian prospek pertumbuhan dan inflasi yang kekal sederhana.

### **Nota Inflasi:**

- Yang Berhormat **Pasir Mas** membangkitkan semasa PMQT, contoh **Turki dan Argentina yang mempunyai kadar faedah yang tinggi, tetapi nilai mata wang mereka semakin merudum.**

- Seperti yang dijelaskan, negara tersebut tidak boleh digunakan sebagai contoh kerana mereka mengalami kadar inflasi yang sangat tinggi.

NEGARA	KADAR FAEDAH	KADAR INFLASI (September 2023)
Turki	35%	61.5%
Argentina	111.93%	138.3%

## 12) PEMERKASAAN BAHASA MELAYU

51. Ada sebilangan kalangan Ahli Yang Berhormat yang tidak senang saya berucap membentangkan Belanjawan MADANI menggunakan beberapa perkataan bahasa Melayu yang jarang digunakan. Yang Berhormat **Pasir Mas** mempertikaikan penggunaan “ketimbang” **27 kali dalam Ucapan Belanjawan MADANI.**

(Input DBP)

- *Bahasa berubah mengikut peredaran zaman. Ada yang suatketika dahulu kerap digunakan, kini sudah dianggap klasik. Contohnya, dahulu digunakan tetuang udara namun kini, radio. Dahulu perkataan ujana yang dianggap klasik kini meluas digunakan yang merujuk taman, ujana ilmu yang bermaksud taman ilmu, ujana buku yang bermaksud taman yang dipenuhi buku-buku.*

• *Sama ada sedar atau tidak, sudah banyak kata serantau Alam Melayu atau Nusantara yang sudah terserap ke dalam bahasa Melayu kita. Bukan sahaja kata serantau, malah kata-kata dialek, bahasa sukuan dan sebagainya ada yang sudah diterima sebagai bahasa standard. Proses penyerapan sesuatu bahasa ke dalam bahasa lain berlaku dalam semua bahasa di dunia ini.*

• **Ketimbang merupakan perkataan yang bermaksud kata untuk menandai perbandingan. Kata ketimbang sama erti atau bersinonim dengan kata daripada.**

• **Dewan Bahasa dan Pustaka mengesahkan bahawa Kata ketimbang ada ditemukan penggunaannya dalam bahasa Melayu berdasarkan carian daripada pangkalan data korpus bahasa Melayu yang dibangunkan oleh DBP, cuma belum terakam dalam kamus terbitan DBP. Kata ini akan dimasukkan dalam edisi kedua Kamus Dewan Perdana.**

52. Yang Berhormat **Alor Setar** mempertikai penggunaan “mahakaya”.

o “maha– “ ialah imbuhan awalan asing yang memang diterima pakai dalam bahasa Melayu yang bermaksud terpalang, tertinggi atau teramat.

o **Ada juga perkataan lain yang mempunyai imbuhan maha— seperti mahasiswa, mahaguru, mahakarya, maharaja.**

o Maknanya, kalau saya disebut golongan mahakaya, ia merujuk golongan paling kaya.

53. Belanjawan negara yang dibentangkan setiap tahun senantiasa ditunggutunggu oleh segenap masyarakat seluruh pelosok negara. Maka, saya fikir tidak ada masalah untuk saya perkenalkan dan popularkan semula perkataan lama/klasik bahasa Melayu kita, dan seharusnya dipelajari dan diikuti oleh anak-anak muda hari ini. Amalan menggali khazanah ilmu terutamanya tidak sepatutnya dijadikan titik pertikaian, sebaliknya mesti dimantapkan agar ia tidak luput dari lipatan zaman. Bahasa dan perkataan klasik banyak digunakan dalam buku dan makalah dari era lampau, terutamanya dalam lapangan kesusasteraan dan betapa meluasnya penggunaan dokumen bersejarah.

54. Jadi, hari ini saya jadi guru bahasa sekejap menekankan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian peri penting kita sebagai pendiri kebijakan untuk bersama dalam budaya dan etika ini, mengembang serta memupuk kecintaan kepada bahasa kita sendiri. Menjadi Ahli Yang Berhormat patutnya kena bantu pupuk dan kembangkan, dan cuba fahamkan khalayak di luar. Saya sarankan Yang Berhormat tersebut untuk lebihkan pembacaan dan tingkatkan penguasaan.

*“Jika orang Melayu hendak menjadi bangsa yang besar, orang Melayu mesti mempelajari dan memelihara secermat-cermatnya bahasa Melayu, di samping menerima serta menambah pengetahuan baharu.”*  
(Munshi Abdullah)

## **PENUTUP**

55. Mengakhiri penggulungan ini, sekali lagi saya rakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas pandangan dan input-input yang dikongsikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya yakin kita semua di sini mahukan yang terbaik buat negara, dan atas kesedaran inilah kita cuba merungkai permasalahan ekonomi dan pendapatan rakyat dengan sebaiknya melalui Belanjawan Madani 2024.

Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.*

**Copyright of the Prime Minister’s Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2023/11/ucapan-penggulungan-rang-undang-undang-perbekalan-2024-peringkat-dasar-oleh-yab-perdana-menteri/>